

UMS anjur seminar bincang kepentingan pembudayaan kualiti program akademik

UB 05.10.2023 P.03

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Seminar Akreditasi Akademik 2023, bertujuan membincang kepentingan pembudayaan jaminan kualiti program akademik agar terus relevan.

Ia melibatkan peserta daripada pelbagai peringkat akademik dan kakitangan pentadbiran utama institusi pengajian tinggi untuk memberi komitmen kepada penambahbaikan kurikulum program pengajian masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr. Shahril Yusof, berkata seminar itu antara lain bertujuan memberi ruang peserta mempertimbang program pengajian akademik agar lebih berdaya saing dan relevan dengan keperluan semasa.

“Penambahbaikan berterusan di dalam



ALBUM: Shahril bergambar bersama pegawai dan kakitangan serta peserta seminar.

jaminan kualiti dan se-makan kepada kurikulum program akademik institusi pengajian tinggi (IPT) masing-masing dapat membantu hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

“Ia untuk memacu kecemerlangan pendidikan tinggi tempatan agar selari dengan visi kementerian iaitu Pendidikan Tinggi Berkualiti, Insan Cemerlang, Negara Sejahtera,” katanya merasmikan seminar yang berlangsung di Pusat Islam UMS, baru-baru ini.

Terdahulu, Pengerusi Seminar, Profesor Ir. Ts. Dr. Zainal Zakaria telah menggariskan objektif pengantjaran seminar yang julung

kalinya dilaksanakan.

“Objektif ini untuk memastikan institusi masing-masing dapat menawarkan program berkualiti dan sentiasa sehaluan dengan arus perdana di dalam memastikan kualiti pendidikan global dapat dicapai.

“Ia juga bagi memaklumkan bahawa UMS akan sentiasa komited untuk bersama-sama dengan semua institusi tempatan di Sabah agar hasrat KPT dapat dicapai dengan memastikan semua program yang ditawarkan mendapat akreditasi dan jaminan kualiti.

“Diharapkan pengantjaran seminar ini dapat mempertingkatkan ilmu dalam kualiti

akademik IPT sebagai entiti penting yang terlibat dalam menyediakan pelan pendidikan, menyampaikan ilmu serta memikul tanggungjawab untuk merealisasikan transformasi pendidikan yang dicita-citakan oleh negara,” katanya.

Beliau berkata pembinaan tamadun ilmu bakal terhasil apabila ilmu diberikan status sebagai ‘the highest good’ dalam pembentukan peradaban insan sejagat melalui aktiviti seperti seminar yang dilaksanakan.

Seramai 130 peserta daripada pelbagai IPT tempatan di Sabah hadir dalam seminar tersebut.